




مريدانن كمالوان نكزي فراق  
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

# 7. POLISI SUMBANGAN POLITIK

---

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

Unit Integriti & Governans



# POLISI SUMBANGAN POLITIK

## KANDUNGAN

---

<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>3</b>
<b>2</b>	<b>OBJEKTIF</b>	<b>3</b>
<b>3</b>	<b>DEFINISI</b>	<b>4</b>
<b>4</b>	<b>SKOP PEMAKAIAN</b>	<b>5</b>
<b>5</b>	<b>PENGUATKUASAAN &amp; PEMANTAUAN</b>	<b>5</b>
<b>6</b>	<b>PERNYATAAN POLISI</b>	<b>6</b>
<b>7</b>	<b>PENUTUP</b>	<b>6</b>

# 1

## PENDAHULUAN

---

Sumbangan politik adalah sebarang sumbangan kewangan atau sumber daya lainnya yang diberikan kepada parti politik, calon parti politik atau kempen politik. Sumbangan ini bertujuan untuk menyokong aktiviti politik tertentu seperti kempen pilihanraya atau kegiatan politik. Terdapat pelbagai bentuk sumbangan politik seperti sumbangan wang tunai, sumbangan barang, pertolongan atau sumbangan bukan kewangan seperti sumber tenaga manusia.

# 2

## OBJEKTIF

---

Sebagai sebuah badan berkanun, PKNPk harus bebas daripada sebarang pengaruh politik. Polisi ini dibangunkan bertujuan untuk menyatakan pendirian PKNPk mengenai apa-apa sumbangan berkaitan politik.

# 3

## DEFINISI

---

### 3.1 **Warga Kerja PKNPk**

Pegawai dan warga kerja yang berkhidmat di PKNPk dan anak syarikat yang mana PKNPk mempunyai kepentingan majoriti, yang dilantik sama ada secara tetap atau pinjam khidmat.

### 3.2 **Sumbangan**

Pemberian yang diberikan oleh individu atau organisasi kepada pihak lain dengan tujuan membantu atau mendukung sesuatu keperluan, kegiatan, atau tujuan tertentu. Sumbangan boleh diberikan dalam beberapa bentuk seperti wang, barangan, tenaga, atau perkhidmatan.

### 3.3 **Parti Politik**

Parti politik merupakan organisasi yang terdiri dari sekumpulan individu dengan ideologi, nilai, atau tujuan yang sama, yang bertujuan untuk memperoleh kekuasaan politik dan mengendalikan pentadbiran kerajaan melalui penyertaan dalam pilihanraya.

### 3.4 **Ahli Politik**

Ahli politik adalah individu yang aktif dalam dunia politik, sama ada melalui keterlibatan langsung dalam pentadbiran Kerajaan mahupun Parti Politik.

# 4

## SKOP PEMAKAIAN

---

Polisi ini adalah terpakai kepada semua Warga Kerja PKNPk dan kontraktor, konsultan, pelanggan, pembekal dan *stakeholder* / pihak berkepentingan PKNPk serta orang awam, yang berurusan dengan PKNPk. Polisi ini perlu dibaca bersama Enakmen Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) serta peraturan dan prosedur semasa yang disuai pakai oleh PKNPk.

# 5

## PENGUATKUASAAN & PEMANTAUAN

---

- 5.1 Pemakaian Polisi ini akan mula berkuatkuasa pada tarikh ianya diluluskan oleh Lembaga Pengarah PKNPk.
- 5.2 Polisi akan dikaji dari semasa ke semasa dan akan ditambahbaik jika perlu oleh UIG PKNPk.
- 5.3 Maklumat berkaitan polisi ini akan dimaklumkan kepada Warga Kerja PKNPk melalui saluran dalaman dan dimuat naik ke dalam portal rasmi PKNPk.

# 6

## PERNYATAAN POLISI

---

- 6.1 PKNPk tidak memberi atau menawarkan sumbangan sama ada dalam bentuk wang tunai atau barangan atau perkhidmatan yang sama nilai dengannya kepada mana-mana parti politik, ahli politik atau calon jawatan politik.
- 6.2 Permohonan penggunaan fasiliti, kelengkapan dan aset PKNPk oleh parti politik untuk kempen atau program parti politik akan diproses berdasarkan prinsip *arm's length basis* dan tertakluk kepada had kuasa sedia ada. Pembayaran mestilah direkod secara tepat dalam akaun PKNPk.
- 6.3 Warga Kerja PKNPk boleh memilih untuk memberi sumbangan politik atas dasar peribadi.

# 7

## PENUTUP

---

PKNPk dan Warga Kerja PKNPk seharusnya memaklumkan kepada pihak-pihak berkenaan berkaitan polisi ini dan tujuan polisi ini digunakan di PKNPk. Sebarang kelulusan / pengecualian terhadap polisi ini memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah PKNPk atau pihak berkuasa melulus yang berkaitan.



مريدانن كمالوان نكزي فراق  
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

# TERIMA KASIH

---

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

Unit Integriti & Governans

